


Bantuan tunai	BR1M, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kebajikan, Bantuan Musim Tengkujuh
Kumpulan Sasaran	Imam, Pembantu Kemas, JKKK, guru KAFA
Bantuan Keusahawanan	Mobilepreneur, Agroprenuer, i-Kit, i-Keunita, TEKUN, AIM, KOJADI
Program Penjanaaan Pendapatan	Program eRezeki, eUsahawan, UBER, MySuria



Sumber Pembiayaan	Bahagian (%)
Cukai Langsung	46.3
Cukai Tidak Langsung	22.9
Hasil Bukan Cukai	15.0
Pinjaman dan Penggunaan Aset	15.8
JUMLAH	100.0

Ekonomi mampu berkembang sehingga 5 peratus tahun depan

BH 10/12

➔ Defisit fiskal 3 peratus turut mampu dicapai seperti unjuran Bajet 2017

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan optimis ekonomi negara mampu berkembang 4.0-5.0 peratus dan mencapai defisit fiskal 3.0 peratus seperti yang diunjurkan dalam Bajet 2017 meskipun berdepan persekitaran ekonomi global yang mencabar.

Unjuran itu bersesuaian dengan kedudukan kewangan negara di tengah-tengah pertumbuhan perlahan ekonomi dunia berikutan ketidakpastian susulan langkah Britain untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (EU) atau dikenali Brexit, berita politik dan kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) serta pertumbuhan perlahan ekonomi China.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Othman Aziz, berkata meskipun berdepan ketidakpastian luaran, dua prinsip tetap menjadi tunjang kerajaan iaitu memastikan pembangunan ekonomi negara dan menjamin kesejahteraan rakyat dengan pelaksanaan projek berpaksikan rakyat merangkumi mereka yang tinggal di bandar dan luar bandar.

"Meskipun berdepan ketidakpastian, Malaysia masih mengunjurkan ekonomi negara mampu berkembang antara 4.0 hingga 5.0 peratus. Pertumbuhan 4.0 hingga 5.0 peratus ini adalah sangat sesuai untuk kita (negara)."

"Kita boleh meletakkan di atas kertas dengan unjuran pertumbuhan 7-8 peratus tetapi anda mesti

ingat, dengan mempunyai tambahan pertumbuhan 2-3 peratus, kita memerlukan duit, maksudnya kita perlu membuat pinjaman.

"Apabila kita pinjam, kita perlu menguruskan nisbah hutang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak lebih 55 peratus. Jika paras hutang lebih 55 peratus, penarafan hutang negara akan diturunkan," katanya dalam temu bual bersama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd, di Putrajaya, baru-baru ini.

Hasil meningkat 3.4 peratus

Othman berkata, unjuran pertumbuhan 4.0-5.0 peratus bagi 2017 dilihat mampu dicapai berdasarkan unjuran hasil Kerajaan Persekutuan meningkat 3.4 peratus kepada RM219.7 bilion tahun depan dan perbelanjaan mengurus RM214.8 bilion.

Pada masa sama, katanya, kerajaan juga memperuntukkan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM46 bilion yang mana perbelanjaan itu memerlukan kerajaan untuk membuat pinjaman.

Bagaimanapun, beliau berkata, pinjaman yang dibuat untuk tujuan berkenaan perlu dipastikan supaya ia tidak melebihi paras siling hutang 55 peratus.

"Kita akan fokus kepada projek jangka panjang yang boleh bagi pulangan semula. Kita membuat perbelanjaan pembangunan ini untuk menjadi pemangkin kepada limpahan ekonomi.

"Pinjaman dibuat dengan sumber domestik, yang bermakna pinjaman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) dan bank tempatan.

"Sehingga suku ketiga 2016, peratus hutang dalam berada di sekitar 96 peratus. Kita belajar daripada pengalaman sebelum ini, apabila kita terlalu banyak hutang luar, ia akan membabitkan masalah nilai mata wang. Jadi, pengurusan hutang ini kena bijak," katanya.

Othman juga menjelaskan, sesetengah dakwaan terutama pembangkang mempersoalkan mengapa kerajaan mesti meneruskan dengan perbelanjaan pembangunan sehingga RM46 bilion di tengah-tengah pertumbuhan perlahan.

Beliau berkata, apa yang pasti pelaksanaan projek pembangunan itu menjadi pemangkin kepada sektor lain, yang mana terdapat kesan limpahan.

Kerajaan juga yakin boleh mencapai defisit fiskal 3.0 peratus dengan memastikan hasil mampu membiayai perbelanjaan mengurus dan pada masa memastikan paras hutang di bawah 55 peratus daripada KDNK, katanya.

Sementara itu, beliau berkata, meskipun berdepan cabaran dalam meningkatkan pendapatan negara di tengah-tengah persekitaran mencabar, kerajaan tetap melaksanakan program yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat dengan penekanan diberikan dalam perumahan, kesihatan, pendidikan dan luar bandar.

Naik taraf pendapatan B40, M40

Menurut Othman, kerajaan juga komited untuk menaik taraf pendapatan kumpulan B40 dan M40 menerusi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), eRezeki, eUsahawan, UBER and program MySuria.

Dalam Bajet 2017, katanya, jumlah pemberian BR1M meningkat kepada RM1,200 tahun depan berbanding RM1,000 tahun ini bagi isi rumah yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan.

Bagi isi rumah berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000 sebulan, pemberian BR1M meningkat kepada RM900 berbanding RM800 sebelum ini, sementara individu bujang dengan pendapatan di bawah RM2,000 menerima BR1M sebanyak RM450 tahun depan berbanding RM400, jelasnya.

"Kerajaan meneruskan pemberian BR1M untuk menangani



Kita boleh meletakkan di atas kertas dengan unjuran pertumbuhan 7-8 peratus tetapi anda mesti ingat, dengan mempunyai tambahan pertumbuhan 2-3 peratus, kita memerlukan duit, maksudnya kita perlu membuat pinjaman. Apabila kita pinjam, kita perlu menguruskan nisbah hutang kepada KDNK tidak lebih 55 peratus. Jika paras hutang lebih 55 peratus, penarafan hutang negara akan diturunkan"

Othman Aziz,
Timbalan Menteri Kewangan I

peningkatan kos sara hidup dan membolehkan kuasa beli kumpulan sasaran. Kuasa beli ini akan kemudian menyokong pelbagai sektor termasuk runcit, yang mana akan menjana pendapatan kepada kerajaan semula," katanya.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak yang mendakwa Bajet 2017 adalah bajet pilihan raya, Othman menegaskan, bagi kerajaan setiap tahun adalah tahun pilihan raya.

Beliau berkata, sebagai kerajaan yang penyayang dan bertanggungjawab, setiap bajet yang dibentangkan itu adalah bajet pilihan raya kerana kerajaan bekerja 24 jam tujuh hari.

Kesejahteraan rakyat

"Kita jaga rakyat, kita jaga semua, pemegang kepentingan yang terbabit sepanjang masa. Kalau kata ini bajet pilihan raya, tetapi Bajet 2016, Bajet 2015, Bajet 2014 tidak ada pilihan raya, bermakna kita tidak payah buat kerja kalau macam itu.

"Sebenarnya kita buat kerja sejak 2013 sebaik saja menang pilihan raya dan sampai sekarang kami menjalankan tugas kami. Jadi, ada sesetengah orang memperkatakan ini bajet pilihan raya, saya akan kata 'ya'. Sebab bagi kami, setiap tahun adalah tahun pilihan raya, yang bermaksud kami sebagai kerajaan dan wakil rakyat Barisan Nasional yang bertanggungjawab meneruskan pelaksanaan kerja membela rakyat.

"Kami tidak perlu tunggu pilihan raya, tidak seperti mereka (pembangkang). Mereka hanya bercakap, konon-konon membela rakyat apabila dekat dengan pilihan raya, tetapi sebelum ini mereka tidak masuk kawasan dan sebagainya.

"Mereka tidak buat apa pun, cuma pandai memberi komen saja. Bagi saya, setiap tahun adalah tahun pilihan raya kerana kami bekerja sepanjang masa 24 jam 7 hari seminggu membela rakyat," katanya.